(2) Where in the basis period for a year of assessment a company has incurred capital expenditure under this Schedule in relation to an asset and the input tax on the asset is subject to any adjustment made under the Goods and Services Tax Act 2014, the amount of such expenditure in relation to that asset shall be adjusted in the basis period for the year of assessment in which the period of adjustment relating to the asset as provided under the Goods and Services Tax Act 2014 ends.

(3) In the event the adjustment of the amount of the capital expenditure made under subparagraph (2) results in—

(a) an additional amount, such amount shall be deemed to be part of the capital expenditure incurred, and subject to paragraph 1, there shall be given to the company for a year of assessment an allowance in respect of such additional amount; or

(b) a reduced amount, any amount of allowance that ought not to have been given under this Schedule in consequence of such reduction shall be part of the statutory income of that person from a source consisting of a business in the basis period the adjustment is made.

(4) Notwithstanding subparagraph (2), where a person has incurred capital expenditure in relation to an asset, and the asset is disposed of at any time during the period of adjustment specified under the Goods and Services Tax Act 2014, the adjustment to such expenditure shall be made in the basis period for a year of assessment in which the disposal is made.”.

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN KECUALIAN DAN PERALIHAN

Pemakaian Bahagian ini

30.(1) Akta ibu hendaklah terpakai bagi maksud Bahagian ini melainkan jika diperuntukkan selainnya.

(2) Bagi maksud Bahagian ini, baki 108 merujuk kepada—

(a) amaun baki bagi kredit bagi suatu syarikat pada akhir tempoh asas bagi tahun taksiran 2007 yang ditentukan di bawah subseksyen 108(8) Akta ibu sebelum permulaan kuat kuasa Akta Kewangan 2007 [*Akta 683*];

(b) amaun baki bagi kredit bagi syarikat itu yang ditentukan di bawah seksyen 23 Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2000 [*Akta A1093*] setakat 31 Disember 2007; dan

(c) jika tempoh asas bagi syarikat itu bagi tahun taksiran 2007 berakhir—

(i) pada hari selain 31 Disember 2007, mana-mana cukai yang dibayar dalam tempoh bermula dari hari pertama tempoh asas syarikat itu bagi tahun taksiran 2008 hingga 31 Disember 2007; atau

(ii) pada 31 Disember 2007, ansuran terakhir yang dibayar di bawah seksyen 107c Akta ibu berkenaan dengan tempoh asas itu.

(3) Jika terdapat apa-apa ketidakselarasan antara mana-mana peruntukan Bahagian ini dengan mana-mana peruntukan Akta ibu, peruntukan Akta ibu itu adalah terbatal setakat ketidakselarasan itu.

Baki 108

31. Jika dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2016 atau mana-mana tempoh asas yang berikutnya—

- (a) cukai yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi suatu syarikat bagi tahun taksiran 2000 berasaskan tahun semasa dan tahun taksiran yang sebelumnya dilepaskan atau diremitkan; atau
- (b) apa-apa amaun cukai yang dibayar oleh syarikat itu yang telah diambil kira bagi maksud pengiraan baki 108 itu dibayar balik,

baki 108 syarikat itu, hendaklah pada hari cukai itu dilepaskan, diremitkan atau dibayar balik, dikurangkan mengikut apa-apa amaun cukai yang dilepaskan, diremitkan atau dibayar balik itu.

Amaun lebih baki 108

32. (1) Jika amaun cukai yang dilepaskan, diremitkan atau dibayar balik di bawah seksyen 31 melebihi baki 108, atau baki 108 tersemak setakat 31 Disember 2013, Ketua Pengarah hendaklah menyerahkan kepada syarikat suatu rekuisisi bertulis dalam borang yang ditetapkan yang menghendaki syarikat itu untuk membayar suatu amaun yang bersamaan dengan lebih itu dan amaun itu hendaklah menjadi suatu hutang yang kena dibayar oleh syarikat itu kepada Kerajaan dan hutang itu hendaklah menjadi kena dibayar dengan serta-merta kepada Ketua Pengarah apabila rekuisisi itu diserahkan.

(2) Jika apa-apa lebih yang genap masa dan kena dibayar oleh suatu syarikat tidak dibayar dalam tempoh tiga puluh hari selepas serahan rekuisisi yang disebut di bawah subseksyen (1), sekian banyak amaun lebih yang belum berbayar hendaklah tanpa notis lanjut diserahkan, dinaikkan dengan suatu amaun yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada lebih yang tidak dibayar, dan amaun yang tidak dibayar itu dan kenaikan ke atas amaun yang tidak dibayar itu hendaklah menjadi suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan dan hutang itu hendaklah menjadi kena dibayar dengan serta-merta kepada Ketua Pengarah.

BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967

33. (1) Seksyen 34, perenggan 35(a), seksyen 36 dan 37, dan perenggan 38(a) dan (c) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(2) Perenggan 35(b) dan 38(b) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan seksyen 2

34. Subseksyen 2(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “Inland Revenue Board of Malaysia” takrif yang berikut:

‘ “input tax” has the meaning assigned to it in the Goods and Services Tax Act 2014 [Act 762];’; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif “natural gas” takrif yang berikut:

‘ “output tax” has the meaning assigned to it in the Goods and Services Tax Act 2014;’.

Pindaan seksyen 18

35. Seksyen 18 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam proviso kepada perenggan (n), dengan memotong perkataan “or”;

(ii) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (o) dengan koma bernoktah; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (o) perenggan yang berikut:

“(p) any amount paid or to be paid in respect of goods and services as input tax by the chargeable person if he is liable to be registered under the Goods and Services Tax Act 2014 and has failed to do so, or if he is entitled under that Act to credit that amount as input tax; or

(q) any amount of output tax paid or to be paid under the Goods and Services Tax Act 2014 which is borne by the chargeable person if he is registered or liable to be registered under that Act.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Notwithstanding any other provisions of this Act, where a person is required under section 34 to furnish to the Director General any information within the time specified in a notice or such other time as may be allowed by the Director General, and that information concerns wholly or in part a deduction claimed by that person in arriving at the adjusted income of that person from any source for the basis period for a year of assessment, no deduction from the gross income from that source for that period shall be allowed in respect of such claim if the person fails to provide such information within the time specified in that notice or such extended time as may be allowed by the Director General.”.

Pindaan seksyen 39

36. Seksyen 39 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(6) Notwithstanding any other provisions of this Act, where in a basis period for a year of assessment, an adjustment is made in respect of the input tax paid or to be paid under

the Goods and Services Tax Act 2014, the Director General may at any time, as may be necessary to give effect to such adjustment, make an assessment or a reduced assessment for the year of assessment to which the adjustment relates, or if the year of assessment to which the adjustment relates cannot be ascertained, for the year of assessment in which the Director General discovers the adjustment.”.

Pindaan Jadual Pertama

37. Jadual Pertama Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perenggan 1 perenggan yang berikut:

“1A. For the purposes of paragraph 1, the qualifying exploration expenditure incurred by a chargeable person shall not include any amount paid or to be paid in respect of goods and services tax as input tax by the chargeable person if he is liable to be registered under the Goods and Services Tax Act 2014 and has failed to do so, or if he is entitled under that Act to credit that amount as input tax.”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas perenggan 13 perenggan yang berikut:

“13A. (1) Where in the basis period for a year of assessment a chargeable person has incurred qualifying exploration expenditure in relation to an asset and the input tax on the asset is subject to any adjustment made under the Goods and Services Tax Act 2014, the amount of such expenditure in relation to that asset shall be adjusted in the basis period for the year of assessment in which the period of adjustment relating to the asset as provided under the Goods and Services Tax Act 2014 ends.

(2) In the event the adjustment of the amount of the qualifying exploration expenditure made under subparagraph (1) results in—

- (a) an additional amount, such amount shall be deemed to be part of the qualifying exploration expenditure incurred, and the residual expenditure under paragraph 46 of the Second Schedule in relation to the asset shall include that additional amount; or
- (b) a reduced amount, the qualifying exploration expenditure incurred and the residual expenditure under paragraph 46 of the Second Schedule shall be reduced by such

amount, and if the amount of the allowance made or ought to have been made under this Schedule exceeds the residual expenditure, the excess shall be part of the statutory income of that person from a source consisting of a business in the basis period the adjustment is made.

(3) The excess amount referred to in subsubparagraph (2)(b) shall not exceed the total amount of allowances given under this Schedule.

(4) Notwithstanding subparagraph (1), where a chargeable person has incurred the qualifying exploration expenditure in relation to an asset, and the asset is disposed of at any time during the period of adjustment specified under the Goods and Services Tax Act 2014, the adjustment to such expenditure shall be made in the basis period for the year of assessment in which the disposal is made.

(5) Paragraph 13 shall apply for the purpose of the adjustment referred to in subparagraph (4).”.

Pindaan Jadual Kedua

38. Jadual Kedua kepada Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perenggan 2A perenggan yang berikut:

“**2B.** For the purposes of paragraph 1, the qualifying expenditure incurred by a chargeable person shall not include any amount paid or to be paid in respect of goods and services tax as input tax by a chargeable person if the chargeable person is liable to be registered under the Goods and Services Tax Act 2014 and has failed to do so, or if the chargeable person is entitled under that Act to credit that amount as input tax.”;

(b) dengan memasukkan selepas perenggan 40 perenggan yang berikut:

“**40A.** (1) Notwithstanding any other provisions of this Schedule, where any part of an asset of a chargeable person from a business ceases to be used for purposes of a business of his in a basis period for a year of assessment due to replacement with a new part and that new part is depreciated separately in accordance with the generally accepted accounting principles, that part of an asset is deemed to have been disposed of in that basis period for that year of assessment.

(2) The qualifying expenditure of the part of the asset disposed shall be taken to be the amount determined for the new part being depreciated separately in accordance with the generally accepted accounting principles.

(3) The residual expenditure under paragraph 46 in respect of the part of the asset disposed shall be the qualifying expenditure of the part of an asset disposed reduced by the amount of allowance that have been made or would have been made under this Schedule to that chargeable person prior to the disposal of that part of the asset.

(4) The provisions of this Schedule shall apply to the new part of an asset referred to under subparagraphs (1) and (2).”;
dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan 45 perenggan yang berikut:

“**45A.** (1) Where in the basis period for a year of assessment a chargeable person has incurred qualifying expenditure in relation to an asset and the input tax on the asset is subject to any adjustment made under the Goods and Services Tax Act 2014, the amount of such expenditure in relation to that asset shall be adjusted in the basis period for the year of assessment in which the period of adjustment relating to the asset as provided under the Goods and Services Tax Act 2014 ends.

(2) In the event the adjustment of the amount of the qualifying expenditure made under subparagraph (1) results in—

(a) an additional amount, such amount shall be deemed to be part of the qualifying expenditure incurred, and the residual expenditure under paragraph 46 in relation to the asset shall include that additional amount; or

(b) a reduced amount, the qualifying expenditure incurred and the residual expenditure under paragraph 46 shall be reduced by such amount, and if the amount of the allowance made or ought to have been made under this Schedule exceeds the residual expenditure, the excess shall be part of the statutory income of that chargeable person from a source consisting of a business in the basis period the adjustment is made.

(3) The excess amount referred to in subsubparagraph 2(b) shall not exceed the total amount of allowances given under this Schedule.

(4) Notwithstanding subparagraph (2), where a chargeable person has incurred the qualifying expenditure in relation to an asset, and the asset is disposed of at any time during the period of adjustment specified under the Goods and Services Tax Act 2014, the adjustment to such expenditure shall be made in the basis period for the year of assessment in which the disposal is made.

(5) Paragraphs 22 and 23 shall apply for the purpose of the adjustment referred to in subparagraph (4).”.

BAB IV

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976

39. (1) Seksyen 40 dan 42 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(2) Seksyen 41 dan 43 mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

Pindaan seksyen 2

40. Subseksyen 2(1) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dengan memasukkan selepas takrif “cukai” takrif yang berikut:

“cukai input” mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*];

“cukai output” mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014;’.

Pindaan seksyen 29

41. Seksyen 29 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Ketua Pengarah boleh menghendaki mana-mana orang untuk membayar suatu amaun tambahan penalti mengikut subseksyen (3) berkenaan dengan apa-apa cukai tambahan yang kena dibayar oleh orang itu bagi suatu tahun taksiran.”.

Pindaan Jadual 2

42. Jadual 2 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subperenggan 6(1)—

- (i) dengan memotong perkataan “dan” di hujung subsubperenggan (c);
- (ii) dengan menggantikan noktah di hujung subsubperenggan (d) dengan perkataan “; dan”; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas subsubperenggan (d) subsubperenggan yang berikut:

“(e) apa-apa amaun yang dibayar atau yang akan dibayar berkenaan dengan cukai barang dan perkhidmatan oleh pelupus jika dia tidak bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 atau jika dia adalah orang berdaftar dan tidak layak di bawah Akta itu untuk mengkredit amaun itu sebagai cukai input.”; dan

(b) dalam perenggan 7—

- (i) dengan memotong perkataan “dan” di hujung subperenggan (b);
- (ii) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan (c) dengan koma bernoktah; dan

(iii) dengan memasukkan selepas subperenggan (c) subperenggan yang berikut:

“(d) apa-apa amaun yang dibayar atau yang akan dibayar berkeenaan dengan cukai barang dan perkhidmatan sebagai cukai input oleh pelupus jika dia bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan gagal untuk berbuat sedemikian, atau jika dia layak di bawah Akta itu untuk mengkredit amaun itu sebagai cukai input; dan

(e) apa-apa amaun cukai output yang dibayar atau yang akan dibayar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang ditanggung oleh pelupus jika dia berdaftar atau bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah Akta itu.”.

Pindaan Jadual 4

43. Jadual 4 kepada Akta ibu dipinda dalam perenggan 2 dengan menggantikan formula dengan formula yang berikut:

$$\frac{A \times C}{B}$$

- iaitu*
- A ialah bahagian keluasan aset yang boleh dikenakan cukai yang dilupuskan;
 - B ialah jumlah keluasan aset yang boleh dikenakan cukai;
 - C ialah sepuluh ribu;

atau sepuluh peratus daripada keuntungan yang boleh dikenakan cukai, mengikut yang mana lebih tinggi”.

BAB V

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN 1990

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990

44. Bab ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

Pindaan seksyen 22

45. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam subseksyen 22(1)—

- (a) dengan menggantikan perkataan “atau” yang terdapat selepas perkataan “perkiraan percukaian dua kali” dengan koma; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “perkiraan pertukaran maklumat percukaian” perkataan “atau perkiraan bantuan pentadbiran bersama”.

Pindaan seksyen 22A

46. Seksyen 22A Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(a)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “atau” yang terdapat selepas perkataan “perkiraan pencukaian dua kali” dengan koma; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “perkiraan pertukaran maklumat percukaian” perkataan “atau perkiraan bantuan pentadbiran bersama”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan sebelum takrif “perkiraan pencukaian dua kali” takrif yang berikut:
 - ‘ “perkiraan bantuan pentadbiran bersama” ertinya suatu perkiraan antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan mana-mana wilayah di luar Malaysia dengan tujuan bantuan pentadbiran bersama dalam perkara percukaian yang termasuk pemeriksaan cukai serentak, pertukaran maklumat secara automatik atau pentadbiran cukai luar negara di bawah seksyen 132B Akta Cukai Pendapatan 1967;’.

BAB VI**PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014****Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014**

47. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2016.

Pindaan seksyen 13

48. Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 13 dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Walau apa pun seksyen 11 dan bagi maksud subseksyen (1), masa pembekalan perkhidmatan diimport hendaklah dikira sebagai telah dibuat pada tarikh yang berikut, mengikut mana-mana yang lebih awal:

- (a) tarikh apabila apa-apa pembayaran dibuat oleh penerima; atau
- (b) tarikh apabila apa-apa invois dikeluarkan oleh pembekal yang tempatnya di suatu negara selain Malaysia atau yang menjalankan perniagaan di luar Malaysia.”.

Pindaan seksyen 41

49. Seksyen 41 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (7) subseksyen yang berikut:

“(8) Jika apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar tidak dibayar oleh mana-mana orang kena cukai selepas hari terakhir yang ia genap masa dan kena dibayar di bawah subseksyen (4) dan tiada pendakwaan dimulakan, orang kena cukai hendaklah membayar—

- (a) bagi tempoh tiga puluh hari yang pertama yang cukai itu tidak dibayar selepas tamat tempoh yang ditetapkan di bawah subseksyen (4), penalti sebanyak lima peratus daripada amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar;
- (b) bagi tempoh tiga puluh hari yang kedua yang cukai itu tidak dibayar selepas tamat tempoh yang ditetapkan di bawah subseksyen (4), penalti tambahan sebanyak sepuluh peratus daripada amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar; dan
- (c) bagi tempoh tiga puluh hari yang ketiga yang cukai itu tidak dibayar selepas tamat tempoh yang ditetapkan di bawah subseksyen (4), penalti tambahan sebanyak

sepuluh peratus daripada amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar, tertakluk kepada penalti maksimum sebanyak dua puluh lima peratus daripada amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar.

(9) Tertakluk kepada subseksyen (11), pendakwaan bagi kesalahan di bawah subseksyen (7) boleh dimulakan selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (8)(c).

(10) Mahkamah boleh memerintahkan bahawa mana-mana orang kena cukai yang disabitkan atas kesalahan di bawah subseksyen (7) hendaklah membayar penalti sebagaimana yang ditentukan dalam subseksyen (8).

(11) Tiada pendakwaan bagi kesalahan di bawah subseksyen (7) boleh dimulakan terhadap orang kena cukai yang telah membayar amaun cukai yang genap masa dan kena dibayar dan penalti yang ditentukan dalam subseksyen (8) dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (8).”.

Pindaan seksyen 43

50. Seksyen 43 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “amaun cukai” perkataan “dan penalti di bawah subseksyen 41(8), jika ada,”; dan
- (b) dalam subseksyen (8), dengan memasukkan selepas perkataan “amaun cukai” perkataan “dan penalti, jika ada,”.

Pindaan seksyen 51

51. Seksyen 51 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Jika cukai dibenarkan untuk dibayar secara ansuran, penalti di bawah subseksyen 41(8) hendaklah terhenti dikira dari tarikh Ketua Pengarah membenarkan pembayaran secara ansuran itu.”.

Pindaan seksyen 69

52. Subperenggan 69(5)(c)(ii) Akta ibu dipinda, dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “venturer” dengan perkataan “venture operator”.

Pindaan seksyen 70

53. Seksyen 70 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Berhubung dengan barang yang telah diimport dan dideposit dalam gudang dan yang baginya cukai boleh dikenakan ke atas barang diimport, hendaklah ada suatu skim yang dikenali sebagai “Skim Penggudangan” yang membenarkan—

- (a) cukai yang boleh dikenakan ke atas barang diimport digantung apabila barang diimport itu dideposit dalam gudang;
- (b) pembekalan barang yang dibuat antara gudang tidak diambil kira; dan
- (c) pembekalan barang yang dibuat dalam gudang tidak diambil kira kecuali pembekalan barang terakhir sedemikian yang dipindahkan sebelum peringkat duti.”.

Pindaan seksyen 86

54. Subseksyen 86(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “112(1)” dengan perkataan “105(2)”.

Pindaan seksyen 94

55. Perenggan 94(b) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “untuk memungut apa-apa cukai” perkataan “atau penalti”.

Pindaan seksyen 122

56. Subseksyen 122(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “amaun cukai” perkataan “atau apa-apa penalti”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “dan cukai” perkataan “atau penalti”.

BAB VII

PINDAAN KEPADA AKTA PENGGALAKAN PELABURAN 1986

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Penggalakan Pelaburan 1986

57. Bab ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pindaan seksyen 2

58. Seksyen 2 Akta Penggalakan Pelaburan 1986, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dengan memasukkan selepas takrif “aktiviti pertanian bersepadu” takrif yang berikut:

“cukai input” mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [*Akta 762*];

“cukai output” mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014;’.

Seksyen baru 29Q dan 29R

59. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 29P seksyen yang berikut:

“Penentuan perbelanjaan modal berkenaan dengan aktiviti digalakkan atau keluaran digalakkan yang tertakluk kepada cukai barang dan perkhidmatan bagi elaun cukai pelaburan

29Q. Jika suatu syarikat yang telah diberikan kelulusan di bawah seksyen 27, 27A, 27C, 27D, 27E, 27F, 27G, 27I, 27J, 27K, 27M atau 27N telah melakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran perbelanjaan modal berkenaan dengan aktiviti digalakkan

atau keluaran digalakkan bagi tempoh yang dinyatakan di bawah perenggan 29(2)(b), (c) atau (d), perenggan 29A(3)(b), (c) atau (d), perenggan 29AA(3)(b), 29B(2)(b), 29D(2)(b), 29E(2)(b), 29F(2)(b), 29G(2)(b), 29H(2)(b), 29J(2)(b), 29K(2)(b), subperenggan 29L(2)(a)(ii), 29L(3)(a)(ii), 29L(4)(a)(ii), 29L(5)(a)(ii), 29L(6)(a)(ii), perenggan 29N(3)(b) atau 29O(3)(b), perbelanjaan modal yang dilakukan oleh syarikat hendaklah tidak termasuk apa-apa amaun yang telah dibayar atau yang akan dibayar berkenaan dengan cukai barang dan perkhidmatan oleh syarikat itu sekiranya syarikat itu bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan gagal berbuat demikian, atau sekiranya syarikat itu layak untuk mengkredit amaun itu sebagai cukai input di bawah Akta itu.

Pelarasan perbelanjaan modal yang dilakukan yang tertakluk kepada cukai barang dan perkhidmatan

29R. (1) Jika dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran suatu syarikat telah melakukan perbelanjaan modal di bawah Akta ini dan perbelanjaan modal itu tertakluk kepada apa-apa pelarasan yang dibuat berkenaan dengan cukai input bagi suatu tempoh yang dinyatakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, amaun perbelanjaan itu bagi aset itu hendaklah dilaraskan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang tempoh pelarasan yang berhubungan dengan aset itu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 tamat.

(2) Dalam keadaan pelarasan bagi amaun perbelanjaan modal yang dibuat di bawah subseksyen (1) menghasilkan—

(a) suatu amaun tambahan, amaun itu hendaklah disifatkan menjadi sebahagian perbelanjaan modal yang dilakukan bagi maksud Akta ini, dan tertakluk kepada seksyen 29, 29A, 29B, 29D, 29E, 29F, 29G, 29H, 29J, 29K, 29L dan 29O, hendaklah diberi kepada syarikat itu bagi suatu tahun taksiran suatu elaun berkenaan dengan amaun tambahan itu; atau

(b) suatu amaun yang dikurangkan, apa-apa amaun elaun yang tidak sepatutnya diberi di bawah Akta ini berbangkit daripada pengurangan itu hendaklah menjadi sebahagian

daripada pendapatan statutori syarikat itu daripada suatu sumber yang terdiri daripada perniagaan dalam tempoh asas pelarasan itu dibuat.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), jika suatu syarikat telah melakukan perbelanjaan modal berhubung dengan suatu aset, dan aset itu dilupuskan pada bila-bila masa dalam tempoh pelarasan yang dinyatakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, pelarasan kepada perbelanjaan itu hendaklah dibuat dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran pelupusan itu dibuat.

(4) Jika suatu pelarasan dibuat berkenaan dengan cukai input di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, Ketua Pengarah boleh membuat suatu pengiraan atau pengiraan semula apa-apa elaun yang dibuat di bawah Akta ini atau amaun pendapatan statutori suatu syarikat bagi suatu tahun taksiran mengikut kaedah yang serupa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen ini, dalam tempoh asas bagi tahun taksiran pelarasan itu dibuat atau pada bila-bila masa sebagaimana perlu untuk memberi kesan kepada pelarasan itu.”.